

# ورتا فرنشن Warta Penerangan



DISEMBER 2014







**Terbitan Bahagian Pengurusan  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

**“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”**

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok  
Hajah Sujimawati binti Mejari

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

## Isi Kandungan

|  | Muka  |
|--|-------|
| Lawatan delegasi BERNAMA ke Jabatan Penerangan               | 5     |
| ‘Program Santai Sihat’ wujudkan masyarakat cergas            | 6 - 8 |
| Laungan Dikir terus bergema                                  | 9     |
| Wacana Minda antara masyarakat dan agensi kerajaan           | 10-11 |
| Peserta Program Bermaklumat terima sijil                     | 12-13 |
| Dedahkan jurugambar dengan teknik penggambaran yang sempurna | 14    |
| Program Sua Muka penghubung dua hala                         | 15    |
| Kampung Bolkiah jadi ristaan                                 | 16-17 |
| Senarai kursus pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan     | 18    |
| Kenaikan pangkat dan pegawai yang bersara                    | 19    |

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Lawatan delegasi BERNAMA ke Jabatan Penerangan

Foto : Unit IT & Media Baru



PARA delegasi BERNAMA berkesempatan melawat ke Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan cenderahati kenangan kepada Encik Mohd. Farhan bin Mustafa Kamal dari BERNAMA.



**UCAPAN** setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada delegasi BERNAMA yang telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 3 hingga 7 Disember 2014 bagi membincangkan penerbitan bersama Buku Coffee Table Developing Oil & Gas Resources in Brunei Darussalam and Malaysia Then, Now & Beyond. Rombongan diketuai oleh Encik Mohd. Farhan bin Mustafa Kamal selaku Pengurus Projek.

Oleh : Mohammad Arif Matali  
Foto : Jabatan Penerangan

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Disember. - Jabatan Penerangan dengan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbang Subok meningkatkan lagi hubungan silurahim di peringkat akar umbi melalui aktiviti sosial dan sukan dengan mengadakan 'Program Santai Sihat' di Taman Riadah Tasik Sarubing, Kampung Belimbang.

Program berkenaan sebagai salah satu usaha untuk memperkasa penglibatan warga kerja Jabatan Penerangan dan masyarakat mukim dan kampung serta keluarga untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat melalui aktiviti-aktiviti sukan sambil bersantai bagi mewujudkan masyarakat yang cergas, sihat dari segi fizikal dan juga mental.

Program Santai Sihat dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan diikuti dengan Lagu Patriotik Bendera Negara dan diteruskan dengan acara senamrobik memanaskan badan.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Tetamu kehormat mendahului menyumbangkan derma Tabung Amal yang mana hasil kutipan tersebut akan disalurkan kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara sebelum menyempurnakan pelepasan peserta-peserta riadah mendaki Bukit

# PROGRAM SANTAI SIHAT



MENTERI Hal Ehwal dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman secara kebetulan turut menyaksikan aktiviti-aktiviti yang diadakan di taman berkenaan.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos menyampaikan hadiah kepada Pemangku Pengarah Penerangan selaku pemenang kedua Pertandingan Kreativiti Menyusun Surat Khabar.

Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad antara atur cara yang menarik.

Pada perlawanan itu, pasukan Tarik Kalat Jabatan Penerangan berjaya mengalahkan Pasukan Tarik Kalat MPK Belimbang.

Berbagai aktiviti juga telah diaturkan yang bertemakan 'Team Building' dan kekeluargaan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan mananamkan semangat setia kawan yang telah dibahagikan kepada beberapa kategori.



PERTANDINGAN Kreativiti Menyusun Surat Khabar.



AWANG Haji Mohd. Rozan dan Yang Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Md. Daud semasa bersiar-siar di sekitar Taman Riadah Tasik Sarubing, Kampung Belimbang.

# 'Program Santai Sihat' wujudkan masyarakat cergas



SESI bergambar ramai bersama tetamu kehormat, warga Jabatan Penerangan dan MPK Belimbang.



PERTANDINGAN mengisi air botol menggunakan span yang mendapat sambutan.



SETIAUSAHA Tetap di JPM, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan semasa menyertai acara riadah di sekitar taman berkenaan.



PERADUAN melukis bagi Kategori Warga Emas.



AKTIVITI mewarna bagi kanak-kanak.



PERTANDINGAN membawa guli/dalam sudu bagi kanak-kanak 6-12 tahun.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Md. Daud mengetua Pasukan Tarik Kalat MPK Belimbang bagi perlawanan persahabatan dengan Pasukan Tarik Kalat Jabatan Penerangan.

## 8 Warta Penerangan

lanya telah dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Warga Emas, Kategori Dewasa dan Kategori Kanak-Kanak seperti pertandingan bawa guli dalam sudu bagi kanak-kanak 6-12 tahun, ikat kaki berpasangan bagi lelaki/perempuan, cari barang kanak-kanak 6-12 tahun, isi air botol menggunakan span, bowling kelapa bagi lelaki/perempuan dan kreativiti mencipta pakaian dari surat khabar.



PERTANDINGAN membawa guli dalam sudu bagi kanak-kanak 6-12 tahun.



TAHNIAH kepada pemenang Pertandingan Isi Air Botol menggunakan span.



PERLAWANAN Tarik Kalat Persahabatan juga disertai oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan dan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin.

# Laungan Dikir Maulud terus bergema

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

JALAN MUARA, Khamis, 25 Disember. - Bagi mengenang kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, puji-pujian selawat terus bergema di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara yang memasuki malam keempat.

Laungan selawat yang dibawakan melalui dikir sememangnya sudah menjadi tradisi umat Islam di negara ini selama 12 malam berturut-turut menjelang 12 Rabiulawal bagi meraikan kelaahiran kekasih Allah itu.

Antara yang mengadakan Majlis Dikir Maulud malam ini ialah Masjid Kampung Sungai Hanching yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk dari Jabatan Penerangan serta para penduduk kampung sekitarnya termasuk warga asing yang berkhidmat di negara ini. Selawat yang dibawakan adalah sebagai



MAJLIS Dikir Maulud di Masjid Kampung Sungai Hanching dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk dari Jabatan Penerangan, para penduduk kampung sekitarnya.

pertanda keagungan dan kemasyhuran Baginda Rasulullah dalam menyebarkan syiar Islam ke serata dunia.

Terdahulu, bacaan Ummul Kitab, Surah Al Faatihah beramai-ramai dikepalai oleh imam masjid berkenaan, Awang Haji Khairul bin Haji Mohammad Salleh yang juga memimpin Doa Peliharakan Sultan, sementara Awang Haji Amrun bin Awang pula membacakan Doa Dikir.



*“Barang siapa mengagungkan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka sesungguhnya ia telah menghidupkan Islam.”*

- Riwayat  
Sayyidina Abu Bakar  
As Siddiq RA

# Wacana minda antara masyarakat dan agensi kerajaan

Oleh & Foto : Aryentyt Haji Ariffin



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berucap semasa menjadi tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat yang diadakan di Balai Purun Taman Warisan Tasek Merimbun.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada Program Masyarakat Bermaklumat.



SEBAHAGIAN ahli MPK dan penduduk Mukim Ukong dan Rambai semasa mendengar taklimat yang disampaikan.

## PROGRAM MASYARAKAT BERMALKLUMAT

TUTONG, Selasa, 23 Disember. - Jabatan Penerangan akan memanfaatkan Program Masyarakat Bermaklumat sebaik mungkin dan dijadikan sebagai salah satu wacana minda di antara masyarakat dan agensi kerajaan.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menjelaskan perkara itu pada Program Masyarakat Bermaklumat bertemakan 'Keusahawanan dan Isu Penderaan' anjuran Cawangan Penerangan Daerah Tutong dengan kerjasama Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan Jabatan Penerangan.

Awang Mawardi seterusnya berkata, program tersebut adalah sebagai langkah bagi para peserta untuk meningkatkan taraf hidup dengan sara diri dalam bidang ekonomi apakah lagi bagi menyahut Wawasan Negara 2035, iaitu ke arah ekonomi yang berdaya saing dan dinamik.

Program itu juga jelasnya, telah dilaksanakan di keempat-empat daerah di negara ini supaya setiap anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menambah ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan sama-sama berganding bahu dalam membendung gejala penderaan yang dilihat sebagai penyakit masyarakat di era globalisasi. Beliau mengharapkan program ini akan dapat menjadi sumber dalam mencetuskan inovasi baru dan membenihkan per-



SALAH seorang panel mengongsikan maklumat bersama para peserta yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat.

bahan-perubahan yang positif dalam membentuk masyarakat yang inovatif, berdaya saing dan penyayang serta permedulian.

Program selama dua hari ini, bermula pada hari ini, bertempat di Balai Purun Taman Warisan Tasek Merimbun, Daerah Tutong dan berakhir pada 24 Disember.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang terlibat dalam mengungkayahkan program tersebut.

Seramai 100 peserta terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim, Ahli-ahli Takmir Masjid,



SESI bergambar kenangan bersama tetamu kehormat, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim, ahli-ahli Takmir Masjid, belia-belia dan penduduk Mukim Ukong dan Mukim Rambai yang menyertai program tersebut.

belia-belia dan secara umumnya penduduk Mukim Ukong dan Mukim Rambai menyertai program ini.

Antara objektif program berkenaan ialah untuk menyuntik semangat dan inspirasi kepada anggota masyarakat dalam mempertingkatkan taraf hidup mereka, melalui aktiviti keusahawanan dan memberikan pengetahuan, mengenai dengan isu penderaan dan cara-cara menangani permasalahan yang timbul dan juga cara-cara untuk mempertahankan diri daripada kejadian yang tidak diingini.

Sementara itu, menurut tetamu kehormat majlis, peserta pada hari ini sangat beruntung kerana didedahkan dengan beberapa maklumat penting se-



PARA hadirin sama-sama mengaminkan bacaan doa.



SESI pendaftaran para peserta sebelum acara bermula.

cara percuma. Ini adalah peluang baik yang perlu diambil perhatian untuk memhami lebih dekat menerusi taklimat yang telah disampaikan oleh para panel.

"Saya berharap para peserta Program Masyarakat Bermaklumat dapat mengambil peluang sebaik mungkin dan menyertai apajua aktiviti termasuk lawatan ke tempat-tempat perusahaan untuk melihat kejayaan orang lain sebagai motivasi, contoh dan perbandingan. Dan diharapkan juga orang ramai tidak menyebar sebarang maklumat yang diterima dari berbagai-bagai sumber media sosial yang berbau negatif kerana boleh menyebabkan berlaku pergaduhan, perceraian rumah tangga, penyelewengan akidah, menggugat keselamatan dan berbagai-bagai macam lagi keburukan yang timbul."



SEBAHAGIAN ahli MPK, takmir masjid, belia-belia dan penduduk Mukim Ukong dan Rambai yang menyertai program tersebut (gambar atas & bawah).



## Peserta Program Masyarakat Bermaklumat terima sijil



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi penduduk Mukim Ukong dan Rambai.

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman,  
Unit IT & Media Baru

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Disember. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan terus memainkan peranannya dalam menyampaikan maklumat bermasyarakat dan isu-isu semasa kepada penduduk-penduduk dengan menjelajah dari daerah ke daerah serta mukim ke mukim di negara ini.

Melalui Program Masyarakat Bermaklumat kali ini, seramai 100 peserta terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim, Ahli-ahli Takmir Masjid, belia-belia dan secara umumnya penduduk Mukim Ukong dan Mukim Rambai telahpun menyertai program dua hari yang bermula kelmarin.

Sehubungan dengan itu, para peserta yang menyertai program berkenaan petang tadi diraikan dalam Majlis Penutup Program dengan penyampaian sijil pada majlis yang diadakan di Dewan Auditorium Jabatan Penerangan di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan yang hadir ke majlis penutup berkenaan.



Dalam ucapan Pemangku Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Sadiqin bin Abdullah Jamjam, selaku wakil peserta berkata, program seumpama ini sesuai diadakan untuk penduduk mukim dan kampung kerana maklumat yang disampaikan berkaitan dengan fenomena kehidupan searian, selain dapat memberi bimbingan untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Beliau seterusnya berharap program ini akan diadakan lagi secara berterusan bagi memberi peluang kepada penduduk mukim mendapat maklumat yang sahih dan terkini.



PARA peserta program dibawa melawat ke Zainal Agricultural Farm yang mempunyai keluasan 15 ekar.



PESERTA program mendengar penjelasan ringkas mengenai Zainal Agricultural Farm.



PARA pesertayang hadir,sama-sama mengaminkan bacaan doa bagi memberkati majlis.

Program dua hari itu diisikan dengan beberapa sesi taklimat antaranya daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), taklimat mengenai Hak-hak Mangsa Dera dari segi undang-undang Pejabat Peguam Negara, Taklimat Pentingnya Khidmat Kaunseling kepada Mangsa dan Keluarga Penderaan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei dan taklimat mencapai ke arah Keusahawanan Yang Berjaya daripada Pusat Pembangunan Keusahawanan.

Di samping itu, para peserta juga berpeluang untuk berdialog bersama Usahawan

Berjaya yang dibawa oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dan membuat lawatan ke Perusahaan Restoran Soto Rindu dan Katering, Awang Haji Zainal bin Safar di Kampung Katimahar dan Zainal Agricultural Farm di Kampung Masin.

Antara objektif program ialah untuk menyuntik semangat dan inspirasi kepada anggota masyarakat dalam mempertingkatkan taraf hidup mereka melalui aktiviti keusahawanan dan memberikan pengetahuan mengenai isu penderaan dan cara-cara menangani permasalahan yang timbul dan juga cara-cara untuk mempertahankan diri daripada kejadian yang tidak diingini.

Dengan bertemakan 'Keusahawanan dan Isu Penderaan', program ini diharap dapat membuka mata dan minda masyarakat di negara ini mengenai perkara-perkara yang dapat menjana ekonomi dalam menyahut seruan kerajaan ke arah ekonomi yang dinamik dan berdaya saing.

Program merupakan aktiviti tahunan Jabatan Penerangan dalam merealisasikan visi jabatan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' yang telah diadakan di keempat-empat daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara di Mukim Pengkalan Batu, Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B'; Daerah Temburong di Mukim Bokok dan Mukim Amo; Daerah Belait, Mukim Seria, Mukim Kuala Belait dan Mukim Liang dan yang terakhir di Daerah Tutong.

Program akan diteruskan pada tahun berikutnya dan sehingga kini lebih 400 peserta telah pun menyertainya.



PARA peserta Bengkel Fotografi 'Service dan Taklimat' Nikon Professional Service (NPS) bergambar ramai bersama fasilitator bengkel.

## Dedahkan jurugambar dengan teknik penggambaran yang sempurna

Oleh & Foto :  
Mohammad Arif Matali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Disember. - Ke arah mempertingkatkan kemahiran dan mempelajari teknik dengan menggunakan kamera 'Digital Single Lens Reflex' (DSLR) dengan sem-



purna, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengendalikan Bengkel Fotografi 'Service dan Taklimat' Nikon Professional Service (NPS) di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, di sini. Bengkel sehari tersebut dihadiri oleh para jurugambar dari jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-agensi media tempatan dengan dibimbing oleh Pengurus Kanan Nikon Professional Services Malaysia, Jabatan Pemasaran Produk Pengguna, Mahfooz NR dan Eksekutif Kanan, Albert Yap.

Pada bengkel tersebut para peserta telah didedahkan mengenai dengan teknik dalam menentukan tetapan kamera yang betul, komposisi dan cara mendapatkan hasil visual dan gambar yang sempurna termas-

uk memilih pelarasan, asas komposisi, teknik, petua serta helah untuk mendapatkan hasil gambar dan video yang terbaik.

Para peserta juga diajar bagaimana untuk mendapatkan dan mengetahui fungsi kamera DSLR, berjema-ma Nikon yang terkini seperti D750, D870 dan Df, di samping didedahkan dengan beberapa teknik dalam pengambilan gambar dan video yang betul.



# Program Sua Muka penghubung dua hala

Oleh & Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Selasa, 24 Disember. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri selaku 'mata', 'telinga' dan 'lidah' kerajaan telah menjelajah ke mukim-mukim dan kampung di Negara Brunei Darussalam melalui Program Sua Muka (Personal Contact) Jabatan Penerangan.

Program Sua Muka adalah bagi meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dan rakyat serta rakyat dan kerajaan selain membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung melalui akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI dan menyampaikan maklumat serta isu-isu semasa dan dasar kerajaan.

Sehubungan itu, rombongan Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait yang diketuai oleh Pemangku Ketua Penerangan Daerah Belait, Awang Eddy Iswandy bin Haji



PEMANGKU Ketua Penerangan Belait, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail bersama rombongan ketika berkunjung ke rumah Ketua Kampung Sungai Teraban, Awang Mohd. Mersidi bin Haji Mohd. Shara.



GAMBAR kenangan bersama Ketua Kampung Sungai Teraban.

**PROGRAM  
SUA  
MUKA**

Ismail telah berkunjung ke rumah Ketua Kampung Sungai Teraban, Awang Mohd. Mersidi bin Haji Mohd. Shara bagi berinteraksi dengan pemimpin akar umbi tersebut melalui Program Sua Muka untuk mengetahui keadaan kampung termasuk kawasan-kawasan menarik, prasarana-prasarana yang disediakan oleh kerajaan dan masalah-masalah yang terdapat di kampung itu.

Segala maklumat yang diperolehi terutama masalah yang dibangkitkan oleh ketua kampung melalui program tersebut akan disampaikan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan untuk tindakan lanjut.

Awang Eddy Iswandy memberitahu program tersebut akan diteruskan pada masa-masa akan datang mengikut kesesuaian kampung di setiap daerah dan selepas ini rombongan akan meneruskan Program Sua Muka ke Mukim Seria.

Awang Mohd. Mersidi, 55, dilantik sebagai Ketua Kampung pada 2 April 2002, merupakan generasi keempat dalam keluarga beliau menjawat sebagai Ketua Kampung Sungai Teraban.

Kampung Sungai Teraban berkeluasan 22 kilometer persegi bermula dari Tol Jambatan Rasau hingga Kawasan Sungai Tujuh. Ketika ini jumlah penduduk berkurangan dari lebih 1,300 orang kepada lebih 1,100 orang (jumlah yang dikemaskini tiga bulan lalu) kerana mereka telah berpindah ke Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panaga, Lumut dan Seria serta ke daerah-daerah lain. Meskipun demikian, kemasukan baru dijangka akan berlaku dengan pembinaan rumah-rumah pangsa dan apartmen yang dibina di kampung berkenaan.

Menurut Ketua Kampung Sungai Teraban, asal Kampung Sungai Teraban, disebut 'Terabin' dalam bahasa puak Belait yang merupakan tempat perhentian orang menunggu kapal. Menurut sejarah, Pusat Pentadbiran Kuala Belait adalah di Kuala Balai dan orang pertama yang membuka Kampung Sungai Teraban adalah orang Melanau selain puak Belait dan kampung tersebut terus berkembang menjadi kampung neelayan hingga ketika ini.

Kampung tersebut tidak ketinggalan mendapat beberapa kemudahan asas daripada pihak kerajaan seperti api elektrik, air, telefon, jalan raya, sekolah rendah dan masjid.

# Kampung Bolkiah jadi ristaan

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor & Nurul Syakirah Zaini  
Foto : Muhammad Arif Morni

**K**AMPUNG Bolkiah 'A' merupakan salah sebuah kampung di Daerah Brunei dan Muara. Pada mulanya, pada penghujung tahun 1995, kampung ini ditadbir oleh seorang ketua iaitu Awang Haji Ibrahim bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Haji Kasim. Setelah beliau bersara, jawatan tersebut dijawat oleh Awang Shahminan bin Haji Matzin pada 16 Februari 2009.

Kampung ini merupakan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang telah ditubuhkan pada 5 Oktober 1992. Kampung Bolkiah 'A' ini terletak berdekatan Kampung Buang Sakar, Mukim Lumapas. Pada awal tahun 1980-an, kawasan ini belum ada penduduk, walau bagaimanapun pada tahun 1985 ada beberapa buah rumah telah mula didirikan hingga pada tahun 1994 terdapat sebanyak 48 buah rumah kesemuanya. Pada ketika itu, kampung ini yang dinamakan sebagai Kampung Buang Sakar (Air) di bawah pentadbiran Ketua Kampung Kasat, Mukim Lumapas.

Pada tahun 1993, bermula-lah pembinaan Skim Perumahan YSHHB dan siap dibina pada tahun 1994. Perumahan ini diberikan keutamaan pada mangsa-mangsa ke-

bakaran yang terdiri daripada Kampung Setia Pahlawan, Kampung Peramu, Kampung Saba, Kampung Petagian, Kampung Kota Batu dan Kampung Sungai Matan.

Kampung ini mula didiami pada 15 Julai 1994 dan dirasmikan pada 22 Ogos 1994 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bertempat di Sekolah Menengah Sayyidina Omar Al-Khattab. Selain daripada itu, penduduk kampung asal di kampung tersebut sebanyak 48 buah rumah telah dipindahkan ke Skim Perumahan ini dan rumah-rumah mereka telah diganti rugi oleh pihak YSHHB dengan bayaran yang berpatutan.

Kampung ini terletak antara kawasan Sungai Brunei menuju ke Daerah Temburong dengan perjalanan lebih kurang 7 kilometer dari Bandar Seri Begawan menggunakan perahu tambang dan 45km dari Bandar Seri Begawan menggunakan jalan darat. Kampung ini mempunyai keluasan 3.75sq km. Kampung Bolkiah 'A' ini mempunyai 226 buah rumah, keramaianya lebih kurang



1500 penduduk.

Selain daripada itu, beberapa buah rumah telah digunakan sebagai cawangan pejabat Yayasan untuk kegunaan Bengkel Tenunan, cawangan pos polis dan surau (pada masa ini digunakan sebagai tempat Kelas Dewasa Wanita). Di samping itu juga, terdapat beberapa kemudahan awam disediakan seperti jalan raya, klinik, bekalan elektrik, air serta talian telefon. Kampung ini juga dilengkapi dengan alat saluran najis yang menuju ke-daratan. Malahan sampah-sarap juga dikutip setiap hari dengan menggunakan perahu yang disediakan oleh





KETUA Kampung Bolkiah 'A', Awang Shahminan bin Haji Matzin ketika ditemui pada Program Sua Muka anjuran Jabatan Penerangan.



PROSES pembuatan kain tenunan asli.

JASTRe bagi mengekalkan kebersihan di kampung tersebut.

Kebanyakan penduduk kampung ini bekerja dengan pihak kerajaan dan hanya sebilangan kecil sahaja bekerja di pihak swasta dan bekerja sendiri seperti bermiaga, menjual ikan, menambang dan sebagainya. Penduduk kampung ini juga menerima bantuan kerajaan. Bantuan-bantuan berkenaan seperti:

- Penerima pencen tua : 72 orang
- Bantuan Kebajikan : 48 orang
- Elaun Orang Kurang Upaya (cacat) : 5 orang
- Anak Yatim : 10 orang

Antara aktiviti yang diungkayahkan di kampung ini ialah Kelas Muqaddam bagi wanita dewasa, majlis tahlil dan doa arwah. Malah penduduk kampung ini juga giat mengadakan beberapa pertandingan-pertandingan antaranya, perlawanan futsal, bola sepak, bina badan dan sebagainya. Selain daripada itu, penduduk kampung ini, terutamanya dalam kalangan wanita-wanitanya giat membuat keropok udang dan kuih sapit dengan bantuan peralatan yang disediakan oleh YSHHB. Kelas penenunan juga diadakan selama 3 tahun. Kelas ini adalah inisiatif YSHHB untuk membantu ekonomi penduduk di kampung tersebut. Antara pencapaian yang telah dikecapi ialah pada tahun 2009, Kampung Bolkiah 'A' telah dinobatkan sebagai kampung yang paling bersih.

Ketua Kampung mencadangkan pembinaan sekolah rendah diadakan agar penduduk kampung kekal berada di kampung tersebut. Menurut Ketua Kampung lagi, ketiadaan sekolah rendah ini adalah menjadi masalah utama bagi penduduk di kampung ini, hingga memaksa mereka untuk berpindah dari kampung tersebut dan akhirnya mengganggu kelancaran di dalam membuat apa jua aktiviti.



GAMBAR kenangan sejurus selesai perjumpaan Program Sua Muka.



ANTARA kemudahan yang terdapat di kampung ini ialah Pos Polis Kampung Bolkiah 'A'.

**Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri  
kursus / seminar / bengkel bagi bulan Disember 2014:**

**Kursus Induksi Bagi Pegawai dan Kakitangan Yang Baru Berkhidmat  
10 Disember 2014**

- |    |                                       |
|----|---------------------------------------|
| 1. | Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani |
|----|---------------------------------------|

**Kursus Induksi Bagi Pegawai dan Kakitangan Yang Baru Berkhidmat  
08 - 16 Disember 2014**

- |    |  |
|----|--|
| 1. | Awang Muhammad Hidayatullah bin Zahari |
| 2. | Awang Abdul Hadi bin Suhaili           |

**Kursus Asas Komunikasi  
22 - 24 Disember 2014**

- |    |  |
|----|--|
| 1. | Awang Muhammad Arif bin Morni                          |
| 2. | Dayangku Hajah Siti Mewartee binti Pengiran Haji Kahar |

**Kursus Keterampilan Diri  
08 - 09 Disember 2014**

- |    |  |
|----|--|
| 1. | Awang Mohd Rusli bin Abdullah @ Rusli bin Gandok |
|----|--|



**Kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan  
di Jabatan Penerangan :**



**Awang Muhammad Arif bin Morni**

**Pegawai Melesen  
di Jabatan Daerah Temburong,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Tarikh Berpindah : 17 Disember 2014**

**Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan  
terima kasih di atas sumbangan bakti, jasa,  
tenaga dan komitmen sepenuhnya sepanjang  
berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat  
bersara dan selamat maju jaya kepada :**



**Awang Haji Madon bin Haji Ibrahim**

**Tarikh lahir : 20 Disember 1959  
Tarikh tamat perkhidmatan :  
19 Disember 2014**

**Orang ramai yang ingin mendapatkan kalender *planner* dan kalender dinding 2015 terbitan Jabatan Penerangan bolehlah mengambil di Unit Sokongan, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas. (Terhad 1 naskhah setiap seorang).**



\* Kalender *planner* 2015 (tengah)  
\* Kalender dinding 2015 (kanan)

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*  
<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**